

TEKS UCAPAN

**YANG BERHORMAT DATUK MADIUS TANGAU
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**PELANCARAN PROOF-OF-CONCEPT
SISTEM MULTI-LANE FREE FLOW**

***[DISAMPAIKAN OLEH
YANG BERHORMAT DATUK DR. ABU BAKAR MOHAMAD DIAH
TIMBALAN MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI]***

**TECHNOLOGY PARK MALAYSIA
KHAMIS, 1 OKT 2015**

[Senarai salutasi tertakluk kepada pengesahan kehadiran]

YANG BERBAHAGIA DATO' SRI DR. NOORUL AINUR MOHD. NUR
Ketua Setiausaha
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD FAUZI ZAHARI
Pengerusi
Technology Park Corporation Malaysia Sdn Bhd (TPM)

YANG BERBAHAGIA DATO' DR. MOHD AZHAR HJ YAHAYA
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), MOSTI

YANG BERUSAHA DR. ZULKIFLI MOHAMED HASHIM
Timbalan Ketua Setiausaha (Sains), MOSTI

YANG BERBAHAGIA DATO' Ir. HAJI AZMAN HAJI SHAHIDIN,
Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif
TPM

YANG BERUSAHA EN. ZAINULHANIF ZULKIFLI
Ketua Pegawai Eksekutif, Quatriz System Sdn Bhd

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati

Salam 1 Malaysia

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Terlebih dahulu saya ingin menyampaikan ucapan maaf daripada YB Datuk Madius Tangau, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi yang tidak dapat hadir bersama kita kerana beliau berada di luar negeri bersama dengan delegasi YAB Perdana Menteri.

2. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd (TPM) kerana menjemput saya hari ini untuk melancarkan secara rasmi ***proof-of-concept (POC)*** mengenai teknologi terkini sistem tol aliran langsung atau dikenali sebagai ***Multi Lane Free Flow System***, ringkasnya, ***Free Flow System***.

3. Saya dimaklumkan bahawa *Free Flow System* ini merupakan salah satu projek yang telah berjaya mendapat **pembiayaan geran di bawah program Flagship Dasar Sains dan Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) Fasa II MOSTI**.

4. Seperti mana kita semua sedia maklum, **Program flagship DSTIN** adalah sebuah program skim dana khas yang disediakan oleh MOSTI untuk membiayai penyelidikan dalam bidang yang dikenal pasti memberi **impak tinggi** kepada pembangunan negara selaras dengan dasar kerajaan untuk penjaan ekonomi baru melalui sains, teknologi dan inovasi (STI).

5. Setakat ini **MOSTI** telah meluluskan peruntukan dana sebanyak **RM318,868,049.00** untuk program **Flagship** ini yang melibatkan sebanyak lapan (8) projek sejak tahun **2013**. Inisiatif dana seperti ini perkenal bagi memastikan produk-produk teknologi inovasi tempatan yang mempunyai kesan positif dan impak terus kepada rakyat dapat dibangunkan dan diaplikasikan dengan kadar yang segera.

Hadirin sekalian,

6. Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada TPM dan **Quatriz System Sdn Bhd**, yang merupakan sebuah syarikat teknologi inkubati dalam TPM, atas kejayaan membangunkan sistem sistem *Free Flow* ini.

7. Saya difahamkan, kedua-dua pihak telah memperuntukkan **18 bulan untuk kerja-kerja R&D** teknologi *Free Flow System* ini yang menggabungkan teknologi terkini menerusi kerjasama pakar-pakar tempatan dan antarabangsa. Difahamkan juga **Quatriz System Sdn Bhd** telah melabur lebih daripada **RM2 juta** dalam inisiatif R&D ini untuk memastikan kejayaan membangunkan *proof-of-concept (POC)* ini.

8. Saya dimaklumkan bahawa Sistem ini, yang menggunakan *state-of-the-art technology* menawarkan kaedah penyelesaian yang terbaik kepada masalah kesesakan lalu lintas terutamanya ketika waktu puncak aliran kenderaan di plaza-plaza tol yang berada sepanjang lebuh raya-lebuh raya utama di negara kita.

9. Sehubungan itu, adalah menjadi harapan **MOSTI** agar syarikat konsesi dan pengendali lebuh raya akan menerima-pakai penggunaan teknologi ini yang telah dibangunkan dalam negara kita.

Sistem ini yang menggantikan plaza tol konvensional melalui fleksibiliti pembayaran dan pelepasan pantas melalui gantri elektronik bakal menjadikan Malaysia setanding dengan negara maju dalam penyelesaian isu-isu kesesakan trafik di plaza-plaza tol dan lebuhraya.

10. Hadirin sekalian tentunya bersetuju dengan pandangan bahawa **masanya telah tiba bagi kita rakyat Malaysia menikmati faedah penggunaan sistem tol aliran langsung yang cekap, selari dengan peningkatan jumlah kenderaan bermotor di negara ini.** Menurut statistik Persatuan Kenderaan Automotif Malaysia, **sehingga Jun 2015 sahaja, Malaysia mencatatkan lebih 322 ribu pendaftaran baru bagi kenderaan penumpang dan komersil.** Seperti tahun-tahun sebelumnya, jumlah ini akan berlipat ganda pada akhir tahun.

11. **Pada tahun 2020, jumlah kenderaan bermotor di jalanraya dijangka meningkat kepada 48 juta buah kenderaan.** Ini jelas menunjukkan bahawa terdapat keperluan untuk syarikat pengendali tol untuk meningkatkan kecekapan pengurusan tol mereka dengan berkesan bagi memenuhi keperluan dan keselesaan pengguna jalan raya.

12. Mengakhiri ucapan, saya juga ingin mengambil kesempatan **menyeru para tekno-usahawan agar mengambil kesempatan untuk bekerjasama dan memanfaatkan kemudahan dan perkhidmatan yang ada di agensi-agensi kerajaan seperti TPM.** Kemudahan-kemudahan infrastruktur R&D bersepadu dan perkhidmatan sokongan seperti di TPM dapat membantu penyelidik dan tekno-usahawan untuk membangun dan mengkomersialkan produk dan idea mereka selaras

dengan hasrat Kerajaan untuk menggiatkan lagi R&D dan meningkatkan tahap pengkomersialan produk R&D negara.

13. **DENGAN HARAPAN TERSEBUT DAN JUGA LAFAZ BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM, SAYA BAGI PIHAK YB DATUK MADIUS TANGAU, MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI, SUKACITA MELANCARKAN *PROOF-OF-CONCEPT (POC) MULTI LANE FREE FLOW SYSTEM* PADA HARI INI.**

Sekian, terima kasih dan tahniah sekali lagi kepada Technology Park Malaysia dan Quatriz Sdn Bhd.

#